

**JABATAN UKUR BANGUNAN  
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**PEMBINAAN TAMBAHAN/PINDAAN BAGI RUMAH  
KEDIAMAN YANG MELENCONG DARI PELAN  
KELULUSAN ASAL**

**SESSI NOVEMBER 2003 - MAC 2004**

**Laporan Latihan Amali yang disediakan sebagai memenuhi  
keperluan Kursus Latihan Amali**

**DISEDIAKAN OLEH : AZURA BINTI MOHAMAD  
PENSYARAH PENYELIA : PN. ROBIAH ABDUL RASHID**



## **ISI KANDUNGAN**

<b><u>Kandungan</u></b>	<b><u>Muka Surat</u></b>
<b>Prakata</b>	1
<b>Penghargaan</b>	3
<b>1.0 Pengenalan Latihan Amali</b>	
1.1 Pengenalan	6
1.2 Objektif	6
1.3 Faedah dan Kelebihan	7
<b>2.0 Pengenalan Organisasi</b>	
2.1 Pengenalan	8
2.1.1 Penubuhan MBSA	8
2.1.2 Logo Korporat	10
2.1.3 Elemen Rekabentuk	10
2.1.4 Lokasi	13
2.2 Wawasan MBSA	14
2.3 Misi MBSA	14
2.4 Objektif MBSA	14
2.5 Slogan Korporat	15



2.6 Dasar Q	15
2.7 Objektif Q	15
2.8 Slogan Q	15
2.9 Pentadbiran MBSA	16
2.9.1 Sejarah Ringkas	16
2.9.2 Akta 171 Kerajaan Tempatan	16
2.9.3 Organisasi	17
<b>3.0 Pengenalan Jabatan</b>	
3.1 Jabatan Bangunan	19
3.2 Organisasi Jabatan	20
3.2.1 Bahagian Pentadbiran	21
3.2.2 Bahagian Pelan Bangunan	22
3.2.3 Bahagian Kawalan Bangunan	24
3.2.4 Bahagian Projek Bangunan	25
<b>4.0 Proses&amp;Prosedur Permohonan Kelulusan Pelan Tambahan/Pindaan</b>	
4.1 Pengenalan	27
4.2 Proses&Prosedur Permohonan	28
4.2.1 Skop Kerja	28
4.2.2 Carta Alir Kerja	29
4.2.3 Perincian Kerja	30
4.3 Masalah Yang Dihadapi Dalam Proses Permohonan Kelulusan Pelan Tambahan / Pindaan	34



## **PENGHARGAAN**

Sekapur sirih seulas pinang.....

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.  
selawat dan salam buat Nabi Besar junjungan kita Nabi Muhammad S.W.T.

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, dapat juga saya menyiapkan dan menyempurnakan Laporan Latihan Amali ini dimana bagi memenuhi keperluan Jabatan Ukur Bangunan yang mewajibkan setiap pelajar semester lima, Kursus Diploma Ukur Bangunan membuat laporan sebelum memasuki semester akhir.

Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Pensyarah Ukur Bangunan khasnya bahagian koordinator Latihan Amali iaitu En. Mazlan B. Abu Bakar yang telah banyak membantu dalam menyediakan dan menyiapkan dokumen untuk penempatan para pelajar diploma ini di tempat latihan amali masing-masing. Kepada pihak Majlis Bandaraya Shah Alam yang telah berbesar hati menerima saya untuk menjalani latihan amali ini, saya ucapkan ribuan terima kasih.



## 1.0 PENGENALAN LATIHAN AMALI

### 1.1 PENGENALAN

Latihan Amali Diploma Ukur Bangunan dikhaskan kepada pelajar semester 05. Latihan amali ini adalah sebahagian daripada program pembelajaran yang perlu dijalani oleh pelajar Diploma Ukur Bangunan sebelum dapat menamatkan program ini.

Latihan amali yang dijalankan ini bertujuan untuk mendedahkan para pelajar dengan suasana pekerjaan yang bersesuaian dengan jurusan kursus yang diambil. Disamping itu juga, ia dapat memberi sedikit pengetahuan, membuka minda pelajar tentang suasana pekerjaan dan realiti sebenar dan tidak hanya bergantung serta melihat pada konsep teori yang dipelajari di dalam kuliah sahaja.

### 1.2 OBJEKTIF

Latihan amali yang disediakan adalah bertujuan membolehkan kami sebagai para pelajar melihat dan mengambil bahagian dalam amalan-amalan selain daripada pelajaran teori yang dipelajari di dalam bilik kuliah. Ini juga dapat memberikan satu peluang yang lebih awal untuk menggunakan dan mempraktikkan pengetahuan serta pertimbangan sendiri dalam menjalankan tugas selain daripada bertujuan untuk membolehkan mengenali melalui penglibatan secara langsung dalam berbagai-bagai aspek konsep perancangan rekabentuk, pembinaan dan pentadbiran projek-projek.